

09/02/1998

Khalil mahu temui ketua bahagian

Shariffudin Mohamed

KUANTAN, Ahad - Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, akan menemui beberapa ketua dan ahli jawatankuasa bahagian berhubung nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya pemilihan kali ini diadakan secara perundingan.

Umno bahagian Kuantan, yang diketuai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman, mengadakan perjumpaan dengan Mohd Khalil, malam ini.

Ketua bahagian dan ahli jawatankuasa bahagian Maran dan Mentakab pula akan berbuat demikian tidak lama lagi manakala Kuala Lipis, sedang membuat perancangan menemui Menteri Besar.

Ketika mengesahkan hal itu, Mohd Khalil berkata, perjumpaan itu dilakukan bagi mencari kompromi dalam pemilihan terutama untuk jawatan ketua bahagian.

Beliau percaya pemilihan secara perundingan dan bukannya pertandingan, dapat dilakukan.

"Nasihat Perdana Menteri itu boleh dijadikan iktibar kepada pemimpin dan ahli Umno. Saya juga percaya pada hati ahli yang berhasrat bertanding merebut tiga jawatan tertinggi bahagian, terpahat nasihat Dr Mahathir itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di rumah terbuka Tahun Baru Cina dan Aidilfitri anjuran Persatuan Cina Daerah Kuantan, di sini, hari ini.

Pemilihan Umno peringkat bahagian akan diadakan dari 12 hingga 29 Mac depan manakala peringkat cawangan, bulan ini.

Dalam lawatannya ke Kelantan baru-baru ini, Dr Mahathir berkata MT akan menjelaskan kepada anggota dan pemegang jawatan parti peringkat bahagian supaya mencapai persetujuan di kalangan mereka bagi mengelak pertandingan, demi kepentingan parti.

Menurut Perdana Menteri, prinsip pemilihan di peringkat bahagian Umno tahun ini akan lebih mengutamakan pendekatan kompromi dengan seboleh-bolehnya mencari titik persetujuan oleh semua pihak yang ingin bertanding.

Di Kuala Lumpur, semalam, Dr Mahathir berkata, nasihatnya supaya jawatan ketua bahagian di Kelantan tidak dipertandingkan, boleh diikuti semua bahagian di negeri lain.

Mohd Khalil berkata, walaupun pemilihan jawatan tertinggi bahagian diadakan secara rundingan, pertandingan boleh dilakukan bagi jawatan ahli jawatankuasa dan wakil ke perhimpunan agung Umno.

"Pertandingan boleh diadakan bagi semua jawatan itu bagi memberi peluang kepada ahli menawarkan diri," katanya.

(END)